



## ***Diembargo sehingga***

**4.00 petang, 19 Julai 2019**

## **BULAN BAHASA – RAIKANLAH SEMARAK BAHASA**

Sempena sambutan memperingati Dwiabad Singapura, Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) melancarkan tema Bulan Bahasa baharu iaitu, ‘Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita.’

Tema baharu ini menggambarkan langkah kita mengharungi era baharu; berkembang daripada tema ‘Ilmu. Budaya. Mesra.’ sebelum ini. ‘Cita’ menggambarkan keinginan, hasrat dan harapan masyarakat dalam usaha untuk mengekalkan penggunaan bahasa Melayu. ‘Citra’ memaparkan kepelbagaian dan kesesuaian bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan perantaraan. ‘Cinta’ pula menunjukkan minat dan sayang kita akan nilai dan seninya bahasa Melayu yang indah.

“Harapan kami adalah agar masyarakat terus mencari makna dalam penggunaan bahasa Melayu,” kata Puan Rahayu Mahzam, Pengurus Jawatankuasa Bulan Bahasa. “Bahasa Melayu telah berkembang daripada pengaruh bahasa Sanskrit dan bahasa Melayu Kuno pada abad ke-7, dan masih digunakan dalam kehidupan harian kita. Bahasa Melayu juga mengaitkan kita dengan orang-orang dan kisah-kisah di Nusantara. Lantas, bahasa Melayu juga mengaitkan kita dengan nilai, sejarah dan warisan kita. Seperti cara kita memahami sejarah kita, kita juga harus meraikan perkembangan bahasa kita. Oleh itu, kisah bahasa Melayu kita harus terus diketahui dan dikisahkan semula.”

Dengan tema baharu ini, Bulan Bahasa menggalakkan masyarakat untuk mengenali keindahan dan erti bahasa Melayu melalui program-program yang akan berlangsung dari 17 Ogos hingga 13 Oktober.

## **Majlis Pelancaran di Muzium Tamadun Asia – 7 September 2019**

Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2019 akan diadakan pada Sabtu, 7 September 2019 di Muzium Tamadun Asia. Untuk menghidupkan tema baharu Bulan Bahasa, sekolah-sekolah dan rakan-rakan kerjasama akan menganjurkan pelbagai program yang akan memaparkan penggunaan bahasa Melayu. Para pengunjung juga akan berkesempatan untuk menikmati pelbagai persembahan-persembahan yang berkaitan dengan budaya dan warisan Melayu.



Ikuti **Sriwana** dalam persembahan tarian interaktif, **Sis Cuba** dan **Nenek I (Watch)!** di mana penonton dapat menguji pengetahuan bahasa Melayu mereka, melalui permainan wadah berbilang media. *Sis Cuba* menceritakan watak Amy yang baru sahaja pulang dari luar negara. Untuk membiasakan dirinya dengan bahasa dan budaya Melayu, beliau pergi membeli-belah di pasar Geylang Serai. *Nenek I (Watch)!* pula mengetengahkan kesinambungan teknologi dan budaya Melayu melalui kisah seorang cucu yang mengajar neneknya cara-cara menggunakan jam pintar.

Bagi penggemar-penggemar seni, ikutilah **Perkumpulan Seni** dalam pementasan **Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita.** Sepanjang pementasan ini, penonton dapat menyaksikan tarian-tarian Melayu, taridra dan bacaan puisi.

Untuk mengetahui tentang seni silat, sertailah **Cinta Silat Cinta Bahasa** oleh **Perguruan Silat Seni Gayong Singapura.** Pengunjung akan berpeluang untuk mengambil bahagian dalam sebuah permainan teka silang kata yang berkaitan dengan seni silat.

Hiburkan hati anda dengan menyaksikan edisi keenam **Juara Si Cilik** oleh **Nusantara World Music.** Pertandingan nyanyian ini akan menampilkan pelajar-pelajar sekolah rendah yang akan mempersembahkan lagu-lagu rakyat dan lagu-lagu tradisional Melayu dalam versi mereka sendiri.

Dalam program **Jelajah Muzium** oleh **Rakan Bahasa**, pengunjung dapat melihat dan menghayati seni, tekstil, terbitan dan artifak yang terdapat di Nusantara pada abad ke-19. Program ini meningkatkan keyakinan Rakan Bahasa untuk menyampaikan kisah tentang artifak-artifak kepada pengunjung dalam bahasa Melayu.

Pengunjung juga boleh menambah ilmu pengetahuan mereka tentang bahasa, budaya dan warisan Melayu dengan menyertai permainan-permainan di reruai kegiatan. Bayangkan semula legenda Melayu bersama **Sekolah Menengah Orchid Park** dalam **Tamsil Teladan Tokoh**, di mana pengunjung dapat mempelajari sejarah wira-wira Melayu serta nilai-nilai yang terkandung dalam kisah-kisah ini. Untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai herba dan rempah ratus, serta **By Definition** dalam **Dapur Sebagai Farmasi**, yang mengenalkan ramuan-ramuan harian untuk membuat jamu.



## Duta Bahasa 2019

MBMS melantik Duta Bahasa sebagai pengguna dan pencinta bahasa Melayu. Tahun ini, tiga lagi individu telah dipilih berdasarkan penguasaan dan minat mereka terhadap bahasa Melayu.

1. Cik Nabillah Jalal – Pemuzik dan usahawan
2. Encik Aqmal Noor – Penyanyi dan penulis lagu
3. Encik Zhulkarnain Abdul Rahim – Peguam dan sukarelawan

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Lampiran 1.

## Identiti Kreatif Bulan Bahasa 2019

Identiti kreatif baharu Bulan Bahasa mengekalkan corak awan larat sambil mengetengahkan corak kontemporari untuk menggambarkan ciri-ciri ‘Cita. Citra. Cinta.’ Ini termasuk lukisan-lukisan yang melambangkan cita-cita dan aspirasi berbeza untuk masyarakat.

1. Palari – Kapal Palari merupakan kapal laut yang dibina oleh orang-orang Bugis. Kapal laut ini biasanya dikaitkan dengan perdagangan pada abad ke-20 dan melambangkan perdagangan dan perantaraan di Nusantara. Seperti kapal Palari, bahasa Melayu merupakan wadah komunikasi yang menghubungkan orang-orang dari pelbagai budaya dan tempat di Nusantara ini.
2. Kancil – Sang Kancil dikenali sebagai watak protogenis dalam beberapa cerita rakyat terkenal seperti ‘Sang Kancil dan Buaya’ dan ‘Sang Kancil dan Gajah’. Pertemuan Sang Kancil dengan haiwan-haiwan hutan mencerminkan kecerdasan pemikiran dan kebolehannya untuk menyesuaikan diri ketika menghadapi cabaran. Kebijaksanaan Sang Kancil boleh dijadikan contoh apabila kita menghadapi cabaran dalam kehidupan.
3. Singa – Sejarah Melayu menceritakan peristiwa Singapura yang telah dinamakan oleh Sang Nila Utama setelah beliau menyaksikan keberanian dan kekuatan seekor singa. Seperti seekor singa, kita harus bangga akan identiti dan budaya Melayu.
4. Roket – Roket melambangkan perubahan, inovasi dan kepelbagai. Roket melambangkan keinginan kita untuk menyebarkan dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu melalui cara-cara yang menarik dan inovatif. Kita digalakkan agar terus



meneroka cara-cara dan wadah baharu supaya dapat melestarikan penggunaan bahasa Melayu di Singapura.

5. Gitar – Nusantara melahirkan ramai seniman yang menghasilkan pelbagai muzik tradisional dan kontemporari. Muzik mencetuskan perasaan seseorang dan dapat menghubungkan jiwa, lantas mengeratkan hubungan sesama individu. Gitar melambangkan hubungan ini. Seperti muzik, penggunaan bahasa Melayu dapat menghubungkan masyarakat tanpa mengira latar belakang dan usia.

Sila rujuk kepada Lampiran 2 untuk identiti kreatif Bulan Bahasa 2019.

### **Buku Nota Bulan Bahasa 2019**

Setiap tahun, buku-buku nota bahasa Melayu dihasilkan sempena Bulan Bahasa. Isi kandungan buku-buku nota ini disumbangkan oleh guru-guru yang telah menerima Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB). Topik serta penyumbangannya seperti yang berikut.

<b>Topik</b>	<b>Disumbang oleh</b>
Kuih-muih Tradisional	Cikgu Norafizah Shariff
Adakah Masa yang Khusus untuk Memakai Busana Melayu?	Cikgu Amirul Asri Hussin
Bahasa Tubuh Ketika Berbicara	Cikgu Nurhiza Mohamed
Panduan Terjemah	Cikgu Roslie Buang Sidik
Biasakan yang Betul	Cikgu Mohamad Zareen Mohamed Shariff

Penerbitan buku-buku nota ini disokong oleh Dana Kedwibahasaan Lee Kuan Yew (LKYFB) dan akan diberikan kepada sekolah-sekolah dan rakan-rakan kerjasama Bulan Bahasa.



## Rakan-rakan Kerjasama Baharu

Bulan Bahasa terus disokong oleh rakan-rakan kerjasama baharu, yang menganjurkan pelbagai program untuk menarik minat seluruh masyarakat.

### 1. Rakan Bahasa Cilik oleh Ilham Childcare

Dalam program ini, pelajar-pelajar prasekolah akan mempelajari pelbagai aspek bahasa, kesusastraan dan warisan Melayu melalui permainan, makanan dan puisi tradisional Melayu.

### 2. Duit-duit oleh Bio Dew Management Institute (BDMI)

Pertandingan ini memperkenalkan pendidikan celik wang melalui sebuah permainan yang diinspirasikan oleh permainan ‘Monopoly’ dan ‘The Game of Life’. Peserta yang meraih markah tertinggi akan berpeluang memenangi hadiah.

### 3. *View from Minangkabau* oleh Minang Association Singapore

Melalui bengkel sastera ini, peserta akan mempelajari bentuk-bentuk puisi Minangkabau seperti bakaba, maota, bakieh dan pepatah petitih. Peserta juga akan mempelajari cara untuk mengekspresikan diri melalui bentuk-bentuk puisi ini.



## Bulan Bahasa di Estet-estet Perumahan

Bulan Bahasa akan terus disambut oleh Kelab-kelab Masyarakat dan Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAECs) tahun ini. Tarikh-tarikh dan tempat sambutan Bulan Bahasa di estet-estet perumahan tertera di bawah.

Tarikh / 2019	Sambutan	Tempat
8 September (Ahad)	Bulan Bahasa @ Toa Payoh [Baru]	Toa Payoh HDB Hub Atrium
14 September (Sabtu)	Bulan Bahasa @ Sembawang	Kelab Masyarakat Woodlands Galaxy
14 September (Sabtu)	Bulan Bahasa @ Jurong	Kelab Masyarakat Yuhua
14 September (Sabtu)	Bulan Bahasa @ Marsiling	Perpustakaan Daerah Woodlands
14 September (Sabtu)	Bulan Bahasa @ Tampines	Kelab Masyarakat Tampines West
28 September (Sabtu)	Bulan Bahasa @ Chua Chu Kang	Kelab Masyarakat Keat Hong
28 September (Sabtu)	Bulan Bahasa @ Nee Soon	Yishun Town Square

## Rakan Bahasa 2019

Jawatankuasa Kecil Rakan Bahasa telah bekerjasama dengan pelbagai rakan-rakan kerjasama untuk menjayakan inisiatif-inisiatif bagi Rakan Bahasa yang telah dilantik. Ini termasuk Pertandingan Newsmaker 2019, yang dianjurkan bersama oleh TeeVers, dan Penterjemah Pintar 2019, yang dianjurkan bersama oleh Sekolah Rendah Oasis. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk [Lampiran 3 dan 4.](#)

~~~



**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Cik Liyana Nasyita  
Penolong Pengurus (Sekretariat, Majlis Bahasa Melayu Singapura)  
Bahagian Bahasa  
Lembaga Warisan Negara  
DID: 6332 5493  
E-mel: [liyana\\_nasyita\\_shukarman@nhb.gov.sg](mailto:liyana_nasyita_shukarman@nhb.gov.sg)

### **Mengenai Bulan Bahasa anjuran Majlis Bahasa Melayu Singapura**

Bulan Bahasa pertama kali dilancarkan pada tahun 1988 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan diadakan sekali setiap dua tahun. Sejak 2011, ia telah menjadi sambutan tahunan yang terus menarik minat, penyertaan dan sokongan masyarakat.

Sebagai inisiatif unggul MBMS, Bulan Bahasa menggalakkan masyarakat menghargai dan menggunakan bahasa Melayu di dalam kehidupan mereka dalam usaha melestarikan warisan masyarakat Melayu.

Untuk maklumat lanjut mengenai MBMS dan Bulan Bahasa, sila lungsuri [mbms.sg](http://mbms.sg) dan [facebook.com/majlisbahasa](https://facebook.com/majlisbahasa).



## Lampiran 1

### Duta Bahasa 2019



Pemain piano **Nabillah Jalal** menerima Ijazah Sarjana Muda daripada Royal College of Music (RCM) di London pada tahun 2016. Beliau juga telah menerima Anugerah Harapan Belia Goh Chok Tong pada tahun 2011.

Pada tahun 2018, Nabillah melancarkan NJ Studio, iaitu sebuah sekolah piano. Setiap tahun, NJ studio akan menaja kelas-kelas muzik klasik bagi pelajar-pelajar yang menerima Skim Bantuan Kewangan (FAS) Kementerian Pendidikan (MOE). Nabillah juga seorang pengasas *ArtSee*, sebuah program sukarelawan yang menyediakan kelas-kelas muzik kontemporari bagi belia berisiko secara percuma.

Sebagai Duta Bahasa, Nabillah bercita-cita untuk membakar semula cintanya terhadap bahasa dan budaya Melayu. Nabillah yakin bahawa bahasa merupakan jambatan untuk mengenali budaya. Beliau menggalakkan masyarakat, terutamanya belia-belia untuk menyertainya beliau dalam perjalanan ini.



## Duta Bahasa 2019



**Noorhaqmal Mohamed Noor**, atau lebih dikenali sebagai **Aqmal N**, ialah seorang penggiat dikir barat dan bekas guru. Beliau juga seorang penyanyi, komposer dan pencipta lagu.

Projek Rentak 2009 merupakan titik tolak perjalanan muzik Aqmal. Antara persembahan-persembahannya termasuk Sukma Irama, yang dianjurkan bersama oleh Radio Televisyen Brunei Darussalam (RTB) dan Mediacorp Suria, dan konsert-konsert yang diadakan di Esplanade Concert Hall, Victoria Theatre and The Istana.

Aqmal juga merupakan seorang pengasas WildWhiz Learning, sebuah syarikat yang menyediakan program-program pendidikan dan budaya bagi sekolah-sekolah dan institusi-institusi. Beliau kini giat mengubah lagu untuk televisyen dan radio, serta menerbitkan lagu-lagu yang digubah daripada karya puisi.

Sebagai Duta Bahasa, Aqmal ingin menggalakkan masyarakat menggunakan bahasa Melayu sebagai wadah untuk meluahkan diri, terutamanya melalui lagu dan puisi.



## Duta Bahasa 2019



**Zhulkarnain Abdul Rahim** merupakan seorang peguam di Dentons Rodyk & Davidson LLP. Beliau juga sering mengendalikan sesi-sesi klinik undang-undang dan memberikan perkhidmatan guaman secara percuma. Antara pencapaiananya adalah *Ten Outstanding Young Persons of the World Award 2017* oleh *Junior Chamber International Singapore* dalam kategori politik, undang-undang dan hal ehwal kerajaan.

Selain itu, beliau juga menyumbangkan idea-ideanya dalam akhbar Melayu tempatan. Penulisannya menjangkau topik-topik seperti masalah sosial, undang-undang dan hubungan antarabangsa. Beliau sering membenamkan kata-kata inspirasi dalam penulisannya dengan harapan bahawa anak-anaknya juga turut mencintai bahasa Melayu.

Sebagai Duta Bahasa, Zhulkarnain ingin berkongsi pengalamannya sebagai seorang ayah dan usahanya untuk menyebarkan cintanya terhadap bahasa Melayu kepada anak-anaknya.



## Lampiran 2

### Identiti Kreatif Bulan Bahasa 2019





### Lampiran 3

#### Pertandingan NewsMaker 2019

Pertandingan NewsMaker 2019 telah dianjurkan bersama Teevers, MBMS dan Jawatankuasa Bulan Bahasa, buat kali kedua. Pertandingan ini telah diadakan di Taman Warisan Melayu pada 22 Mei 2019, untuk peserta sekolah rendah dan pada 23 Mei 2019, untuk peserta sekolah menengah dan peringkat pengajian tinggi.

Pertandingan ini diadakan untuk memupuk kemahiran peyampaian dan literasi media dalam kalangan Rakan Bahasa. Setiap kumpulan dianggotai dua orang Rakan Bahasa dan seorang guru Bahasa Melayu, dan harus menghasilkan video sepanjang dua minit, berdasarkan tema yang diberikan iaitu ‘Singapuraku’. Sebanyak 86 buah pasukan sekolah mengambil bahagian dalam pertandingan ini.

Pemenang-pemenang telah dipilih oleh panel pengadil yang dianggotai ahli-ahli Jawatankuasa Bulan Bahasa, ahli-ahli MBMS dan Duta Bahasa. Keputusannya telah diumumkan oleh Pengurus Jawatankuasa Bulan Bahasa, Puan Rahayu Mahzam, dalam video yang dimuat naikkan ke laman Facebook MBMS pada 31 Mei 2019.

| Kategori                                        | Juara                     | Naib Juara                | Tempat Ketiga           |
|-------------------------------------------------|---------------------------|---------------------------|-------------------------|
| Sekolah Rendah                                  | Sekolah Perempuan Haig    | Sekolah Rendah Fuhua      | Sekolah Rendah Qifa     |
| Sekolah Menengah dan Peringkat Pengajian Tinggi | Sekolah Perempuan Raffles | Sekolah Menengah Meridian | Sekolah Menengah Regent |

Guru pemenang-pemenang telahpun dimaklumkan dan setiap kumpulan telah menerima piala, pingat dan sijil.

Video-video mereka boleh ditonton di YouTube, di <https://tinyurl.com/RBPNYT19>.



## Lampiran 4

### Penterjemah Pintar 2019

Buat pertama kali tahun ini, Penterjemah Pintar 2019 dianjurkan bersama pada 17 Mei 2019 oleh Sekolah Rendah Oasis, MBMS dan Jawatankuasa Bulan Bahasa, dan disokong oleh Jawatankuasa Penterjemahan Nasional (NTC). Pertandingan ini diadakan untuk meningkatkan kesedaran terhadap kedwibahasaan dalam kehidupan harian para pelajar.

Seramai 28 orang Rakan Bahasa daripada 14 buah sekolah rendah mengambil bahagian dalam pertandingan yang diadakan di Sekolah Rendah Oasis ini. Rakan-rakan Bahasa telah diberi peluang untuk menterjemahkan perkataan-perkataan dan frasa-frasa daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Encik Hairianto Diman, seorang Duta Bahasa dan ahli Jawatankuasa Bulan Bahasa, telah mengacarakan pertandingan ini. Panel pengadil pula dianggotai ahli-ahli Jawatankuasa Bulan Bahasa, iaitu Encik Riz Sunawan (juga Duta Bahasa), Cikgu Iskandar Shah dan Cikgu Azhar Rashid.

Di akhir pertandingan, tiga sekolah telah berjaya merangkul tiga tempat pertama dan seorang Rakan Bahasa telah memenangi anugerah Penterjemah Terbaik. Butiran mengenai pemenang-pemenang adalah seperti berikut.

| Kategori       | Juara                   | Naib Juara              | Tempat Ketiga          |
|----------------|-------------------------|-------------------------|------------------------|
| <b>Sekolah</b> | Sekolah Rendah Clementi | Sekolah Rendah New Town | Sekolah Perempuan Haig |

Anugerah **Penterjemah Terbaik** dimenangi oleh Aniqah Bte Sahruddin dari Sekolah Rendah Clementi. Ketiga pasukan pemenang ini diberikan baucar buku, piala, pingat dan sijil, manakala pemenang Penterjemah Terbaik telah memenangi baucar buku dan sebuah piala.

Gambar-gambar pertandingan telah dimuat naik ke laman Facebook, di <https://tinyurl.com/RBPP2019>.